

**KESATUAN PEKERJA-PEKERJA KELAB SELANGOR**

**lwn.**

**KETUA PENGARAH KESATUAN SEKERJA & SATU LAGI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR

EUSOFF CHIN H

[USUL PEMULA NO. R8-98-89]

3 SEPTEMBER 1990

**UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN:** *Certiorari - Samaada kesatuan sekerja melanggar peruntukan undang-undang - Pembatalan pendaftaran - Akta Kesatuan Sekerja 1959, ss. 15(1), 44.*

Tiga orang plaintif telah memohon injunksi terhadap kesatuan dan 11 orang ahli jawatankuasa kesatuan itu atas alasan bahawa 11 orang ahli tersebut telah tidak dilantik dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah berkenaan kerana banyak ahli yang mengundi dalam pemilihan ahli jawatankuasa kesatuan itu tidak lagi menjadi ahli kerana tidak membayar yuran selama lebih 3 bulan. Injunksi interim telah diberi; injunksi ini diketepikan di atas permohonan responden kerana Mahkamah mendapati bahawa pertikaian tersebut patut diselesaikan menggunakan remedi-remedi lain iaitu kepada panel penimbangtara untuk diselesaikan.

Pada 12 Julai 1989 Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia (responden pertama) telah membatalkan pendaftaran pemohon atas alasan bahawa pemohon telah melanggar Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta tersebut) atau peraturan yang dibuat di bawahnya atau peraturan kesatuan. Pada 25 Julai 1989 pemohon merayu kepada Menteri tetapi rayuan itu ditolak pada 15 Ogos 1989.

Yang menjadi isu ialah sama ada pembatalan pendaftaran pemohon itu sah.

**Diputuskan:**

[1] Responden pertama tidak menjalankan siasatan langsung sebelum ia mengeluarkan notis dalam Borang F untuk membatalkan pendaftaran pemohon pada 30 Mac 1989. Siasatan hanya dijalankan sebulan selepas Borang F itu dikeluarkan, iaitu selepas responden pertama menyedari kesilapannya kerana tidak memberi peluang kepada pemohon menjawab aduan yang diterima olehnya.

[2] Ketua Pengarah sepatutnya juga menolak aduan yang diterimanya kerana s. 44(1)(a) dan (b) Akta 262, menyatakan bahawa pertikaian (dispute) seperti itu hendaklah diselesai/diputuskan mengikut acara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah Kesatuan Sekerja berkenaan, (in the manner directed by the rules of the trade union). Kaedah-kaedah dan Perlembagaan Kesatuan itu ada membuat peruntukan di K. 26.

[3] Peruntukan s. 44(1) dan (2), dan juga K. 26 yang disebut tadi adalah jelas, iaitu Ketua Pengarah dalam perkara ini tidak mempunyai apa-apa bidangkuasa (jurisdiction) untuk mengambil apa-apa tindakan kecuali kedua-dua pihak telah bersetuju mengemukakan perkara itu kepadanya untuk diselesaikan menurut s. 44(2) Akta 262 dan K. 26(5)(c) kaedah-kaedah dan Perlembagaan Kesatuan.

[4] Tindakan responden pertama mengeluarkan Borang F itu adalah bertentangan dengan undang-undang, melampaui bidangkuasanya dan oleh itu tidak sah dan patut dibatalkan. Tindakan mewartakan pembatalan pendaftaran pemohon di bawah s. 15(1) Akta berkenaan juga adalah satu tindakan yang tergesa-gesa dan di luar bidangkuasanya.

*[Perintah certiorari dikeluarkan. Keputusan responden dibatalkan.]*

**a Perundangan yang dirujuk:**

Trade Unions Act 1959, s. 15(1)

*Bagi pihak pemohon - Lobo; T/n. Lobo & Associates*

*Bagi pihak responden-responden - Wong Cheng Kiat (Cik Noraini dengannya), wakil kerajaan Malaysia*

*Bagi pihak pencelah - V. Chandran & Kalai*

**b****PENGHAKIMAN****Eusoff Chin H:**

Pada 12 Julai 1989, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia (Ketua Pengarah) membatalkan pendaftaran Kesatuan Pekerja-pekerja Kelab Selangor (Club Employees Union Selangor) (Kesatuan) (Pemohon). Alasan pembatalan yang diberi oleh Ketua Pengarah dalam pemberitahu Warta ialah:

**c**

Kesatuan ini telah melanggar sebarang peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut atau Peraturan-peraturan Kesatuan.

Pada 21 Julai 1989, kesatuan itu menerima salinan surat Ketua Pengarah yang dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan meminta pemberitahu itu diwartakan.

**d**

Pada 25 Julai 1989 kesatuan membuat rayuan kepada Menteri. Pada 15 Ogos 1989 Menteri memberitahu kesatuan bahawa rayuan kesatuan ditolak.

*Fakta-fakta Ringkas:*

**1. Latar Belakang:****e**

Pada 8 Disember 1988, Saman Pemula No. R8-31-134-88 telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana 3 orang plaintif telah memohon injunksi terhadap kesatuan dan 11 orang ahli jawatankuasa kesatuan itu atas alasan 11 orang ahli tersebut telah tidak dilantik dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah kesatuan berkenaan pada 16 Oktober 1988. Alasan yang diketarakan dalam kes itu ialah kerana banyak ahli yang mengundi dalam pemilihan ahli Jawatankuasa Kesatuan itu tidak lagi menjadi ahli kerana

**f**

tidak membayar yuran selama lebih 3 bulan. Permohonan itu telahpun dibicarakan *ex parte* dan injunksi interim telah diperintahkan pada 9 Disember 1988. Atas permohonan responden-responden untuk injunksi interim diketepikan, dan selepas meneliti segala affidavit-afidavit dan dokumen-dokumen yang difailkan, pada 27 Februari 1989 saya telah membicarakan permohonan untuk mengeneipkan injunksi itu. Pada 3 Mac 1989 saya telah membuat perintah supaya injunksi yang dikeluarkan pada 9 Disember 1988

**g**

dibatalkan dan Saman Pemula plaintif juga dibatalkan (struck off) kerana saya dapati bahawa perkara yang dipertikaikan patutlah diselesaikan terlebih dahulu dengan menggunakan remedi-remedi lain (internal remedies), mengikut K. 26 kaedah-kaedah dan Perlembagaan Kesatuan berkenaan, iaitu perkara itu hendaklah dikemukakan kepada panel penimbangtara untuk diselesaikan. Di dalam permohonan itu, P. Kommoty ialah seorang daripada mereka yang mengikrar beberapa affidavit menyokong permohonan, dan K. Selvaraju ada mengikrar affidavit-afidavit menentang permohonan itu.

**h****2. Ekoran yang membawa kepada permohonan sekarang:**

Nampaknya perkara ini telah tidak dibawa kepada panel timbangtara oleh kerana pihak kesatuan telah dengan tiba-tiba menerima notis dalam Borang F Akta Kesatuan Sekerja 1959, daripada Ketua Pengarah yang menyatakan seperti berikut -

**i**

PKS.407/Jld.2/(97)

- Pos Berdaftar A.T. *a*
- Borang F  
(Seksyen 15(2A) dan Peraturan 10)  
Akta Kesatuan Sekerja 1959
- Ibu Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja,  
Tingkat 7, Blok 'B' Selatan,  
Pusat Bandar Damansara,  
50542 Kuala Lumpur. *b*
- 30 Mac 1989
- Notis Pembatalan Perakuan Pendaftaran di bawah seksyen 15(1)(b) Akta Kesatuan Sekerja  
Nama Kesatuan Sekerja: Club Employees Union Selangor *c*  
No. Pendaftaran : 358
- Notis adalah diberi di bawah s. 15(2A) Akta Kesatuan Sekerja 1959 kepada kesatuan yang  
tersebut di atas bahawa adalah maksud Ketua Pengarah hendak membatalkan Perakuan  
Pendaftaran Kesatuan itu pada atau selepas 1 Mei 1989, melainkan sebab ditunjukkan sebaliknya  
sementara ini di bawah peruntukan s. 15(1)(b)(v) iaitu:
- (v) bahawa kesatuan itu telah melanggar sebarang peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 *d*  
atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut atau Peraturan-peraturan  
Kesatuan.
- Alasan-alasan bagi pembatalan yang dicadangkan itu:
- (1) hasil dari penyiasatan yang telah dijalankan oleh pejabat ini menunjukkan bahawa kesatuan *e*  
ini telah melantik Presiden dan Penolong Setiausaha dari kalangan ahli yang tidak berfaedah.  
Perbuatan tersebut menyalahi peraturan 4.3 peraturan-peraturan kesatuan.
- (2) hasil dari penyiasatan yang telah dijalankan oleh pejabat ini menunjukkan bahawa resit  
bayaran yuran yang dikutip telah ditandatangani oleh pegawai lain selain dari Bendahari  
Kesatuan. Perbuatan ini bertentangan kehendak Peraturan 56(1) Peraturan-peraturan  
Kesatuan Sekerja 1959.
- Alasan-alasan Ketua Pengarah hendaklah bertindak seperti yang tersebut di atas ialah: *f*
- Kesatuan telah melanggar peruntukan-peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-  
peraturan Kesatuan Sekerja 1959.
- t.t.  
(S. Sivagnanam),  
Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja,  
Malaysia. *g*
- Setiausaha,  
Club Employees Union,  
70, Bunga Kemboja Dua,  
Taman Musa Ampang,  
Selangor. *h*
- s.k.  
Yang Dipertua,  
Club Employees Union,  
43-02-10 Rumah Pangsa Sri Johor,  
Batu 3 1/2, Jalan Cheras,  
56100 Kuala Lumpur. *i*

- a* Bendahari,  
Club Employees Union,  
286, Jalan 2 Seri Setia  
47300 Petaling Jaya.  
  
Pengarah Kesatuan Sekerja, Selangor.
- b* Pada 11 April 1989, kesatuan telah menulis kepada Ketua Pengarah seperti berikut  
meminta keterangan lanjut:  
  
Date: 11 April 1989  
  
The Director-General of Trade Unions  
Ibu Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja  
Tingkat 7 Blok 'B' Selatan  
*c* Pusat Bandar Damansara A.R. Registered  
50542 Kuala Lumpur  
  
Dear Sir  
  
**Re: Notice dated 30 March 1989 under s. 15(1) of the Trade Unions Act 1959**  
  
We refer to the above notice received by the union on 3 April 1989.
- d* We are rather surprised that your office has conducted an "investigation" and concluded the  
grounds or reasons for your proposed action as mentioned in your notice without giving this  
union or the officers concerned (mentioned in your notice) an opportunity to give an explanation  
or to assist you in ascertaining the truth of the matter.  
  
We believe that the person or persons responsible for your belief as mentioned in the said  
notice were the same people who were involved in Kuala Lumpur High Court Originating  
*e* Summons No. R8-31-134 of 1988 in which the Union and the President and Assistant Secretary  
(among others) were the defendants. This matter was struck off with costs and an order that  
damages incurred were to be assessed and paid to the defendants was made on 3 March 1989  
by the Kuala Lumpur High Court.  
  
Be that as it may, and before we are able to reply to the charges in your abovementioned  
*f* notice please furnish us with the following further particulars (which we presume you have  
from your investigation).  
  
(a) *Charge/Ground (i) of the Notice*  
  
The period in respect of which this union is alleged to have "melantik" the President  
and Assistant Secretary who were not members in benefit. As far as our records show  
the said officers were at all material times members in benefit and whose names were not  
*g* deleted from the membership register maintained under r. 13(3) of the rules. However,  
the further details requested by us above will enable us to reply adequately to this matter.  
In fact at the last elections when their names were nominated the then secretary did not  
reject the said nominations on the ground that their names were deleted from the  
membership register under r. 4.3 which he could have done under r. 9(3) of the Rules.  
  
(b) *Charge/Ground (ii) of the Notice*
- h* Please furnish us with details of the subscription and the period during which such  
subscription was collected, the members concerned from whom the subscription was  
collected and the name and designation of the "Pegawai lain" who collected the said  
subscription before we are able to answer this charge. This union has at all material times  
complied with r. 13(3) of the Rules and consequently Reg. 56(1) of the Trade Union  
Regulations 1959.
- i*

Upon receipt of the particulars abovementioned we will be able to elaborate on our contentions above so as to satisfy your goodself that there has been no breach of s. 15(1)(b)(v) of the Trade Union's Act 1959. This is especially so since the subject matter of your notice abovementioned (if true) can amount to criminal offences under s. 63 of the said Act of 1959. In this connection, if your goodself is not satisfied with the abovementioned, we hereby request your goodself **to hold an inquiry** to determine the question of breach of s. 15(1)(b)(v) under the provisions of s. 15(3) of the Trade Unions Act 1959.

*a*

Yours faithfully,

Sgd:

K. Selvaraju

Assistant Secretary

*b*

Ketua Pengarah tidak menjawab surat ini.

Afidavit jawapan yang difailkan oleh Hj. Ahmad b. Suratman, Timbalan Ketua Pengarah, menunjukkan bahawa sebab-sebab pendaftaran kesatuan sekerja pemohon dibatalkan ialah kerana pemohon tidak menyelesaikan perkara mengenai isu keahlian kesatuan itu, iaitu, sama ada benar atau tidak bahawa beberapa orang yang mendakwa mereka masih menjadi ahli, tidak lagi menjadi ahli kerana tidak membayar yuran kepada kesatuan sekerja pemohon selama lebih 3 bulan.

*c*

Apa yang membawa kepada pengeluaran notis dalam Borang F ialah kerana Ketua Pengarah ada menerima aduan bertarikh 3 Disember 1988 mengenai keahlian kesatuan yang diterima oleh Ketua Pengarah pada 5 Disember 1988.

*d*

Aduan itu mengatakan ahli-ahli yang tidak membayar yuran kepada pemohon telah dibenarkan mengundi untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa pemohon. Dua orang dalam golongan ini telah dicalunkan untuk menjadi ahli jawatankuasa.

*e*

Nampaknya Ketua Pengarah tidak menjalankan siasatan langsung atas aduan itu, tetapi telah terus mengeluarkan notis dalam Borang F untuk membatalkan pendaftaran kesatuan pada 30 Mac 1989.

Penyiasatan atas aduan ini hanya dijalankan oleh Pengarah Jabatan Kesatuan Sekerja Negeri Selangor pada 28 April 1989, iaitu sebulan selepas Borang F dikeluarkan, dan laporan yang dikemukakan oleh Pengarah Selangor itu kepada Ketua Pengarah adalah seperti berikut:

*f*

Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, Tarikh:

22 Mei 1989

Malaysia,

**Kuala Lumpur.**

Aduan Terhadap Pemilihan Majlis Jawatankuasa Kerja Club Employees Union, Selangor yang diadakan pada 16 Oktober 1988

*g*

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Perbincangan telah diadakan di antara mereka tercatat di bawah pada 28 April 1989 di pejabat ini, nama-nama mereka berkenaan seperti berikut-

2.1 En. Wong Sui Hong (Bendahari).

*h*

2.2 En. K. Selvaraju (Pen. Setiausaha).

2.3 En. Nordin Hj. Wahid (Presiden), dan

2.4 En. Mohd. Shuhaimi (Naib Presiden).

*i*

- a* Di antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut di bawah-
- 3.3 kedudukan kesahihan keahlian En. Nordin Hj. Wahid dan En. K. Selvaraju.
- 3.2 pemecatan keahlian En. P. Kommoty.
- 3.3 pemilihan Exco pada 16 Oktober 1988.
- b* 3.4 penggajian pekerja - En. M.G. Doraisamy dan En. Patrick Rao.
4. Kedudukan perkembangan hasil perbincangan di atas perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 3 di atas seperti berikut -
- 4.1 En. Nordin Hj. Wahid dan En. K. Selvaraju bersetuju menjadi ahli baru kesatuan selaras dengan peraturan 4(4) Peraturan dan Perlembagaan kesatuan. Kedua-duanya bersetuju melepaskan jawatan dan notis perletakan jawatan akan dikemukakan dalam Borang L.
- c* 4.2 Pemecatan keahlian En. P. Kommoty dianggap tidak sah kerana semua keputusan yang diambil oleh Exco semasa En. Nordin Hj. Wahid dan En. K. Selvaraju menjadi pegawai adalah tidak sah.
- Kesatuan setuju batalkan surat pemecatan En. P. Kommoty dan beliau dijemput semula menjadi ahli dan memegang jawatan Setiausaha kesatuan.
- d* 4.3 Pemilihan Exco yang diadakan pada 16 Oktober 1988 dianggap tidak sah kerana semua keputusan mengadakan pemilihan telah dikendalikan oleh bukan ahli berhak iaitu En. Nordin Hj. Wahid (bertindak sebagai presiden) dan En. K. Selvaraju (bertindak sebagai Penolong Setiausaha). Kesatuan nampaknya bersetuju untuk mengadakan pemilihan Exco yang baru. Saya mengesyorkan perintah dikeluarkan terhadap kesatuan supaya pemilihan semula pegawai-pegawai diadakan.
- e* 4.4 Notis penggajian pekerja En. M.G. Doraisamy (Setiausaha Kerja) dan En. Patrik Rao (penasihat) tiada dikemukakan sebelum ini. Kesatuan bersetuju akan mengemukakan Borang L(1) bagi perantikan/perletakan jawatan En. M.G. Doraisamy. Didapati En. Patrick Rao tidak digaji oleh kesatuan, oleh itu tindakan susulan terhadap perkara ini tidak perlu.
5. En. P. Kommoty telah dipanggil hadir ke pejabat ini pada 2 Mei 1989 jam 9.00 pagi tetapi beliau gagal hadir tanpa sebarang alasan atau cuba menghubungi pejabat ini. Penyiasatan hanya berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada mereka yang hadir pada 28 April 1989 sahaja.
- f* 6. Dikemukakan untuk makluman dan tindakan sewajarnya oleh tuan.
- Sekian, terima kasih.
- 'Berkhidmat Untuk Negara'  
t.t.  
(K. Jebaratnam)
- g* Pengarah Kesatuan Sekerja  
Selangor dan Pahang
- Adalah jelas bahawa Pengarah Jabatan Kesatuan Sekerja Selangor telah membuat pengesyoran untuk "perintah dikeluarkan terhadap Kesatuan supaya pemilihan semula pegawai-pegawai diadakan" bagi menyelesaikan pertikaian dalam kesatuan itu.
- h* Saya dapati penyiasatan yang dibuat pada 28 April 1989 oleh Pengarah Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja Selangor selepas Borang F dikeluarkan pada 30 Mac 1989 ialah kerana Ketua Pengarah telah sedar kesilapan yang dibuat olehnya, iaitu mengeluarkan notis Borang F: (i) tanpa terlebih dahulu membuat penyiasatan lanjut ke atas aduan itu, dan (ii) tanpa memberi peluang kepada kesatuan untuk menjawab aduan yang diterima oleh Ketua Pengarah dan kesedaran itu hanya timbul apabila dia menerima jawapan pemohon kepada Ketua Pengarah
- i*

dalam suratnya bertarikh 11 April 1989 (yang dipetik di atas) di mana pemohon ada menyatakan yang tindakan Ketua Pengarah mengeluarkan Borang F adalah tidak wajar kerana tindakan Ketua Pengarah dibuat

*a*

without giving this union or the officers concerned... an opportunity to give an explanation or to assist you in ascertaining the truth of the matter.

**Peruntukan Undang-undang:**

*b*

Kuasa Ketua Pengarah (Pendaftar) untuk membatalkan atau menarik balik pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja adalah diberi oleh s. 15(1) Akta Kesatuan Sekerja 1959, (Akta 262) atas alasan-alasan yang disebutkan oleh seksyen itu. Akta itu belum lagi diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Seksyen 15(1) Akta 262 menyatakan-

15.(1) A certificate of registration of a trade union may be cancelled or withdrawn by the Registrar:

*c*

(a) at the request of the trade union upon its dissolution to be verified in such manner as the Registrar may require; or

(b) if he is satisfied:

(i) that the certificate of registration was obtained or issued by fraud or mistake;

*d*

(ii) that any one of the objects or rules of the trade union is unlawful;

(iii) that the constitution of the trade union or of its executive is unlawful;

(iv) that the union has been or is being or is likely to be used for any unlawful purpose or for any purpose contrary to its objects or rules;

*e*

(v) that the trade union has contravened any provision of this act or of any regulations made thereunder, or of any of its rules, or allowed any rule to continue in force which is inconsistent with any such provision, or has rescinded any rule providing for any matter for which provision is required by s. 38;

(vi) that the funds of the trade union are or have been expended in an unlawful manner or on an unlawful object or on an object not authorised by the rules of the union; or

*f*

(vii) that the trade union has ceased to exist.

Ketua Pengarah juga diberi kuasa am untuk memanggil dengan saman, seseorang untuk memberi maklumat, oleh s. 71 yang menyatakan -

*g*

71. (1) The Registrar may summon before him any person who he has reason to believe is able to give any information:

(a) as to the existence of or as to the operations of any trade union or suspected trade union, which is not registered under this act; or

(b) as to the activities of any registered trade union.

*h*

(2) The person so summoned shall attend at the hour and place in the summons specified and produce all documents in his custody, possession or power relating to such trade union or suspected trade union, and answer truthfully all questions which the Registrar may put to him.

(3) The Registrar may administer oaths to and examine on oath any person summoned before him under this section.

*i*

- a* (4) Any person who refuses to comply with such order or who obstructs compliance with such order may be arrested and detained in custody and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit.
- (5) No statement made by a person summoned before the Registrar under this section shall subject him to any arrest or criminal prosecution, or be proved against him in any criminal proceeding, except a prosecution for failing to answer truthfully under this section.
- b* Kuasa Ketua Pengarah untuk menyelesaikan pertikaian adalah diberi oleh s.44-46 yang mana perlu diturunkan di sini untuk senang dirujuk.
- 44.(1) Every dispute between:
- (a) a member or person claiming through a member or under the rules of a registered trade union or any branch thereof, and the union or any branch thereof or an officer thereof;
- c* (b) any person aggrieved who has ceased to be a member of a registered trade union or any branch thereof, or any person claiming through such person aggrieved, and the union or any branch thereof, or an officer thereof;
- shall be decided in the manner directed by the rules of the trade union, and the decision so given shall be binding and conclusive on all parties; and application for the enforcement thereof may be made to a Sessions Court.
- d* (2) The parties to a dispute in a registered trade union may, by consent (unless the rules of the union expressly forbid it), refer the dispute to the Registrar.
- (3) The Registrar of Trade Unions shall either by himself or by any Deputy Registrar, or any Senior Assistant Registrar, or any Assistant Registrar, hear and determine any dispute referred under subsection (2), and shall have power to order the expenses of determining the dispute to be paid either out of the funds of the union, or by such parties to the dispute as he may think fit, and his determination and order shall have the same effect and be enforceable in like manner as a decision made in the manner directed by the rules of the union.
- e* (4) The Registrar of Trade Unions, any Deputy Registrar, or any Senior Assistant Registrar, or any Assistant Registrar may for the purpose of determining a dispute referred under subsection (2) administer oaths, and may require the attendance of all parties concerned, and of witnesses, and the production of all books and documents relating to the matter in question.
- f* (5) Where the rules of a registered trade union direct that disputes shall be referred to the Courts, the dispute shall be determined by a Sessions Court.
- (6) Where no decision is made on a dispute within forty days after application to the union for a reference under its rules, the member or person aggrieved may apply to a Sessions Court and the Sessions Court may hear and determine the matter in dispute.
- g* 45. Notwithstanding anything contained in the Arbitration Act 1952, or in any other written law, a Sessions and the Registrar or any other written law, a Sessions Court and the Registrar or any arbitrator or umpire to whom a dispute is referred under the rules of a registered trade union shall not be compelled to state a special case on any question of law arising in the case, but the Court or Registrar may, at the request of either party, state a case for the opinion of the High Court on any question of law, and may also grant to either party such discovery as to documents and otherwise, or such inspection of documents as might be granted by any Court, and the discovery shall be made on behalf of the union by such officer thereof as the Sessions Court or the Registrar may determine.
- h* 46. In this Part the expression "dispute" includes any dispute arising on the question whether a member or person aggrieved is entitled to be or to continue to be a member or to be reinstated as a member, or whether the rules relating to the decision of disputes or the procedure thereunder has not been complied with but, save as aforesaid, in the case of a person who
- i*



has ceased to be a member, does not include any dispute other than a dispute on a question between him and the trade union or an officer thereof which arose whilst he was a member or arises out of his previous relation as a member to that trade union.

*a***Pendapat:**

Dari fakta-fakta yang terdapat dalam kes ini, dan peruntukan undang-undang yang dipetik tadi, saya berpendapat bahawa:

*b*

1. Perkara yang dipertikaikan itu adalah mengenai soalan sama ada seseorang yang telah dipilih/dilantik ke Jawatankuasa Persatuan, atau seseorang yang mengundi semasa pemilihan itu dijalankan masih ataupun sudah tidak lagi menjadi ahli kesatuan.

Aduan yang diterima oleh Ketua Pengarah mengatakan mereka yang terlibat dalam pemilihan ke Jawatankuasa Kesatuan tidak lagi menjadi ahli Kesatuan kerana tidak membayar yuran selama lebih 3 bulan.

*c*

2. Perkara ini telahpun dikemukakan ke Mahkamah Tinggi (Kes R8-31-134-88), yang mana kes itu telah ditolak oleh Mahkamah kerana pihak-pihak berkenaan hendaklah menggunakan remedi dalaman (internal) dengan mengemukakan perkara itu kepada panel timbangtara mengikut K.26 Kaedah-kaedah Kesatuan berkenaan.

*d*

3. Ketua Pengarah sepatutnya juga menolak aduan yang diterimanya kerana seksyen 44(1)(a) dan (b) Akta 262, menyatakan bahawa pertikaian (dispute) seperti itu hendaklah diselesai/diputuskan mengikut acara yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Kesatuan Sekerja berkenaan, (in the manner directed by the rules of the trade union). Kaedah - kaedah dan Perlembagaan Kesatuan itu ada membuat peruntukan di K. 26 seperti berikut:

**Rule 26 Disputes***e*

1. Every dispute between:

- (a) a member or a person claiming through a member or under the Rules, on the one part, and the union or an officer thereof, on the other part; or

- (b) Any person aggrieved who has ceased to be a member of the union or any person claiming through such person aggrieved, on the one part, and the union or an officer thereof, on the other part; or

*f*

- (c) the union and an officer of the union; shall be decided by reference to arbitration.

2. A panel of not less than five arbitrators, none of whom being directly or indirectly interested in the funds of the union, shall be appointed as a permanent panel of arbitrators by an annual general meeting, and any vacancy or vacancies shall be filled at a subsequent general meeting.

*g*

3. The complaining party to a dispute or a person appointed by him shall draw three names from the panel of arbitrators by lot in the usual manner and the three arbitrators whose names are first drawn shall decide the dispute.

4. In this rule the expression "dispute" includes any disputes arising on the question whether a member or person aggrieved is entitled to be or continue to be a member or to be reinstated as a member but, save as aforesaid, in the case of a person who has ceased to be a member, does not include any dispute other than a dispute on a question between him and the union or an officer thereof, which arose whilst he was a member or arises out of his previous relation as a member of the union.

*h*

5. There shall be a right of appeal to the annual general meeting whose decision shall be binding and conclusive.

*i*

- a* Provided always that in a dispute connected with
- (a) the election of officers of the union; or
  - (b) the accounts and funds of the union; or
  - (c) the non-compliance with any Rule of the Union, the parties to the dispute may, by consent, refer the dispute to the Registrar of Trade Unions.
- b* Nampaknya peruntukan s. 44(1) dan (2), dan juga K. 26 yang disebut tadi adalah jelas, iaitu Ketua Pengarah dalam perkara ini tidak mempunyai apa-apa bidangkuasa (jurisdiction) untuk mengambil apa-apa tindakan kecuali kedua-dua pihak telah bersetuju mengemukakan perkara itu kepadanya untuk diselesaikan menurut s. 44(2) Akta 262 dan K. 26(5)(c) Kaedah-kaedah dan Perlembagaan Kesatuan. Fakta-fakta dalam kes ini menunjukkan yang pihak kesatuan (pemohon) belum lagi memberi keizinan untuk Ketua Pengarah campur tangan dalam pertikaian ini.
- c* Saya dapati Ketua Pengarah telah tidak mematuhi kehendak undang-undang apabila dia mengambil tindakan mengeluarkan notis borang F, dan tindakan Ketua Pengarah itu adalah di luar bidangkuasanya, dan oleh itu tidak sah dan patut dibatalkan.
- d* Saya juga dapati bahawa pengesyoran Pengarah Kesatuan Sekerja Negeri Selangor untuk perintah dikeluarkan bagi kesatuan memilih semula pegawai-pegawai jawatankuasa mereka seperti dalam suratnya bertarikh 22 Mei 1989, tidak wajar dan tidak boleh dilaksanakan selagi kedua-dua pihak tidak menyelesaikan pertikaian mereka itu di hadapan panel timbangtara.
- (4) Tindakan yang diambil oleh Ketua Pengarah mengeluarkan notis dalam Borang F dan mewartakan pembatalan pendaftaran kesatuan (pemohon) di bawah s. 15(1) Akta 262 adalah suatu tindakan yang tergesa-gesa dan di luar bidangkuasa Ketua Pengarah.
- e*

**Keputusan:**

- f* Atas alasan-alasan yang saya nyatakan itu, saya benarkan permohonan kesatuan, dan saya arahkan perintah *certiorari* dikeluarkan untuk membatalkan keputusan Ketua Pengarah bertarikh 12 Julai 1989 dan perintah Menteri yang mengesahkan keputusan Ketua Pengarah itu. Saya juga memerintah kedua responden membayar kos kepada pemohon.

Also found at [1991] 1 CLJ 478

*g*

*h*

*i*